

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 1 JULAI 2019

KERATAN AKHBAR

SINAR HARIAN • ISNIN 1 JULAI 2019 33

Sinar NEGERI

Masalah pencemaran bau selesai

Kerajaan negeri tetap ambil tindakan undang-undang, kenal pasti punca

MUHAMMAD AMINNURALIFF
MOHD ZOKI

SHAH ALAM

Masalah pencemaran bau yang melibatkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih berjaya dipulihkan sepenuhnya.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, bekalan air dari LRA itu kini pulih 100 peratus bermula kelmarin.

Menurutnya, tindakan undang-undang melalui Jabatan Alam Sekitar akan diambil dan

pihaknya sedang mengenal pasti punca pencemaran itu.

"Kita henti operasi LRA Sungai Semenyih walaupun secara asasnya air disalurkan tidak bahaya untuk digunakan," katanya ketika menghadiri Majlis Rumah Terbuka anjuran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Tiga Rodziah Ismail di Seksyen 18 di sini semalam.

Pada 26 Jun lalu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memaklumkan bahawa Sungai Semenyih sedang mengalami pencemaran bau yang menjadi sumber air mentah bagi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan telah dihenti tugas.

Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) menjelaskan beberapa kawasan di wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang di Selangor dijangka terkesan dengan gangguan bekalan air dan tekanan rendah.



Amirudin (dua dari kiri) menghadiri Majlis Rumah Terbuka anjuran Rodziah di Seksyen 18, Shah Alam semalam.